



Small Medium Enterprise Development
Bank Malaysia Berhad (49572-H)

Pembiayaan Ijarah Thummal Bai' (ITB)

Tarikh : _____
(untuk diisi oleh Pengurusan Perhubungan)

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

(Baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Pembiayaan Ijarah Thummal Bai' (ITB). Pastikan juga anda membaca terma yang terkandung di dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan keterangan lanjut dari Institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am)

1. Apakah yang perlu diketahui tentang Produk ini?

Pembiayaan ITB adalah kemudahan yang membolehkan pelanggan (penyewa) untuk menyewa aset yang telah dikenal pasti (mesin, peralatan dan/atau kenderaan komersil) daripada Bank (pemilik aset) dan seterusnya membeli serta mengambil pemilikan aset tersebut setelah bayaran bulanan terakhir telah diselesaikan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Ijarah, Wakalah, Bai' & Wa'd.

- Pembiayaan ITB adalah kontrak sewaan (*Ijarah*) yang diikuti dengan jual beli dengan cara perlakuan (*Bai' Mu'atah*). Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa aset dari Bank dengan bayaran sewa yang dipersetujui dalam tempoh tertentu. Apabila tamat tempoh sewaan, Bank akan menjual aset sewaan kepada pelanggan akan dilaksanakan dengan cara perlakuan (*Mu'atah*) pada harga yang dipersetujui.
- Sekiranya berlaku sebarang kemungkiran atau sewa dibatalkan sebelum kematangan, pelanggan akan membeli aset tersebut berdasarkan akujanji (*Wa'd*) yang telah dibuat.
- Di bawah *Wakalah*, Bank melantik Pelanggan sebagai ejen untuk melakukan semua tindakan berkenaan dengan pembelian asset dari peniaga bagi pihak Bank.
- Pelanggan akan membayar deposit (*Urbun*) kepada peniaga, yang akan dianggap sebagai deposit yang akan dibayar oleh SME Bank.
- Penggunaan aset oleh pelanggan adalah atas risiko pelanggan dan Bank tidak mempunyai tanggungjawab atau liabiliti terhadap sebarang kerugian atau kerosakan kepada aset tersebut yang berlaku akibat dari kecuaihan pihak pelanggan.
- Bank juga melantik pelanggan sebagai ejen perkhidmatannya dalam semua perkara berkaitan penyelenggaraan utama bagi pihak Bank dan juga penyelenggaraan dan pembaikan biasa. Pelanggan sebagai ejen perkhidmatan akan menanggung segala kos, caj dan perbelanjaan dalam menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan utama dan biasa.

3. Apakah yang saya perolehi dari Produk ini?

• Jumlah Pembiayaan	:	Jumlah pembiayaan minimum bermula dari RM100,000 dan jumlah pembiayaan maksimum adalah bergantung kepada kelayakan pelanggan.
• Margin Pembiayaan	:	Sehingga 90% daripada harga belian ATAU nilai pasaran (yang mana lebih rendah); dan margin pembiayaan adalah berbeza mengikut jenis aset yang dibiayai.
• Tempoh	:	Sehingga 10 tahun atau kitaran hayat aset (yang mana lebih rendah); dan tempoh adalah berbeza mengikut jenis aset yang dibiayai.
• Kadar Keuntungan	:	<ul style="list-style-type: none">▪ Kadar Boleh Ubah dikira berdasarkan baki berkurangan (bermula dari BFR + 0.00% setahun); ATAU▪ Kadar Tetap dikira berdasarkan baki berkurangan (tertakluk kepada jenis dana yang digunakan). <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Pada masa ini, kadar BFR (Kadar Pembiayaan Asas) adalah sebanyak 7.00% setahun dan boleh berubah dari semasa ke semasa.ii) Bagi Kadar Boleh Ubah, Kadar Keuntungan Siling yang ditetapkan adalah pada BFR + 4.00% (cth. 11.00%). Sekiranya kadar keuntungan semasa berubah melebihi 11.00% setahun berikutan perubahan BFR, nilai maksimum kadar keuntungan adalah ditetapkan pada 11.00% setahun.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Untuk menjelaskan bayaran sewaan bulanan.
- Untuk menyelesaikan semua jumlah yang tertunggak pada atau sebelum tarikh matang.

Ilustrasi untuk Kadar Tetap:

- Jumlah Pembiayaan: RM500,000.00
 - Tempoh: 7 tahun
 - Kadar Keuntungan: 8.00% tetap setahun (baki berkurangan)
 - Bayaran sewaan bulan pertama anda: RM8,015.33
 - Bayaran sewaan bulanan anda: RM7,793.11
 - Jumlah Caj Sewaan: RM154,843.13
- Jumlah keseluruhan pembayaran sewaan pada akhir 7 tahun: RM654,843.13

Ilustrasi untuk Kadar Boleh Ubah:

- Jumlah Pembiayaan: RM500,000.00
 - Tempoh: 7 tahun
 - Kadar Keuntungan Semasa: BFR + 1.00% setahun
 - Kadar Keuntungan Siling: 11.00% setahun
 - Bayaran sewaan bulan pertama anda: RM8,015.33
 - Bayaran sewaan bulanan anda: RM7,793.11
 - Jumlah Caj Sewaan: RM154,843.13
- Jumlah keseluruhan pembayaran sewaan pada akhir 7 tahun: RM654,843.13

Illustration ke atas perubahan BFR

Penting: Bayaran sewaan bulanan dan jumlah pembayaran sewaan anda akan berbeza-beza jika terdapat perubahan pada BFR.

Kadar	Hari ini (BFR=7.00%)	Jika BFR naik 1%	Jika BFR naik 2%
Bayaran Sewaan Bulanan	RM7,793.11	RM8,294.54	RM8,578.37
Jumlah Caj Sewaan	RM154,843.13	RM175,991.26	RM197,527.63
Jumlah keseluruhan pembayaran sewaan pada akhir 7 tahun	RM654,843.13	RM675,991.26	RM697,527.63

Nota: Jumlah pembayaran sewaan mungkin berubah mengikut perubahan BFR dan kemudahan yang belum dijelaskan. Sekiranya perubahan BFR, Kadar Keuntungan Semasa akan berubah tetapi tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.

5. Apakah caj-caj yang perlu saya bayar?

a) Duti Setem:

Seperti mana yang tertakluk di dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).

b) Fi Guaman dan Pengeluaran:

Seperti mana Perintah Saraan Peguam Cara termasuk fi untuk caj pendaftaran, carian tanah, carian kebangkrapan, cukai dan caj lain mengikut skala bayaran yang dikenakan oleh Peguamcara (mengikut mana yang berkenaan).

c) Fi Penilaian:

Seperti yang dikenakan oleh Penilai (jika berkenaan).

6. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- *Ta'widh* (ganti rugi) ke atas Pembayaran Lewat

Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran lewat dan kemungkiran bayaran berlandaskan mekanisma seperti di bawah:

Sebelum kematangan

Kerugian sebenar sehingga 1% atas bayaran tertunggak untuk kemudahan dalam tempoh mungkir seperti formula berikut:

$$\text{Tunggakan Sewaan} \times 1\% \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

Selepas kematangan

Bank akan mengutip caj ganti rugi dari tarikh kematangan hingga tarikh pembayaran atas kerugian sebenar sehingga kadar semasa IIMM ke atas baki belum jelas, seperti formula berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{IIMM}\% \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

Selepas Penghakiman

Mahkamah boleh mengenakan caj pembayaran lewat atas hutang penghakiman, selepas penghakiman tersebut. Formula untuk caj pembayaran lewat selepas penghakiman seperti berikut:

$$\text{Jumlah Penghakiman} \times \text{IIMM}\% \times \text{Bil. Hari Tertunggak} / 365$$

Nota:

- i. IIMM = Pasaran Kewangan Islam Antara-bank (Islamic Interbank Money Market)
 - ii. Ganti rugi ke atas pembayaran lewat tidak akan dikompau atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
 - iii. *Bank boleh mengenakan kos sebenar/ kos kerugian yang ditanggung sehingga 1% atau kadar IIMM, yang mana lebih rendah
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak mengendahkan notis peringatan kami dan anda akan menanggung kesemua kos sekiranya tindakan undang-undang dikuatkuasakan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan setelah cagaran dilupuskan.

Untuk contoh ilustrasi mengenai penggunaan *Ta'widh*, sila rujuk laman web kami di www.smebank.com.my

7. Bagaimana jika saya melangsaikan pembiayaan ini sebelum tamat tempoh?

Ibra' akan diberikan untuk penyelesaian awal sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan.

Formula pengiraan *Ibra'*:

$$\text{Ibra'} (\text{Rebat}) = \text{Keuntungan Belum Diperolehi} - \text{Caj Penyelesaian Awal (jika ada)}$$

Untuk contoh ilustrasi mengenai penggunaan *Ibra'* dan formula jumlah penyelesaian, sila rujuk laman web kami di www.smebank.com.my

8. Adakah saya perlu menyediakan cagaran atau penjamin?

Pihak Bank akan menilai keperluan untuk cagaran dan/ atau penjamin dan akan memaklumkan kepada anda sebelum kami memberikan kemudahan pembiayaan tersebut.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Anda boleh mengekalkan polisi Takaful ke atas semua risiko berkenaan kemudahan perbankan anda.

10. Apakah risiko-risiko utama?

- Jika anda tidak menjelaskan pembayaran sewaan bulanan secara konsisten sepanjang tempoh bayaran sewaan bulanan, pihak Bank mempunyai hak untuk mengambil dan melelong aset tersebut.
- Sila ambil maklum bahawa kadar boleh ubah akan berbeza mengikut perubahan dalam BFR. Peningkatan dalam kadar boleh ubah boleh menyebabkan kenaikan jumlah bayaran sewaan bulanan.
- Untuk kadar tetap, sekiranya terdapat pengurangan dalam kadar BFR Bank, anda mungkin tidak dapat menikmati penurunan dalam kadar keuntungan tetap yang telah dipersetujui.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada nombor telefon dan alamat saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan pada nombor telefon dan alamat anda untuk memastikan bahawa segala surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

12. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda menghadapi kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:
Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan: 03-2603 7700 Laman web: www.smebank.com.my
- Sekiranya anda ingin membuat aduan terhadap produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami, anda boleh menghubungi kami ditalian 03-2603 7700 atau emel kami di customercare@smebank.com.my atau hantar surat anda ke:

Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan
SME Bank, Aras 10, Menara SME Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Di mana saya boleh mendapatkan informasi yang selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang terdapat di cawangan kami yang berhampiran atau layari laman sesawang kami di www.smebank.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2603 7700.

Untuk maklumat lanjut dalam mendapatkan pembiayaan, sila rujuk risalah *banking info* yang terdapat di kesemua cawangan kami dan juga laman web www.bankinginfo.com.my

14. Lain-lain pakej pembiayaan yang ditawarkan?

Kami juga menyediakan pembiayaan/pembiayaan semula aset, pembiayaan modal kerja, pembiayaan kontrak, pembiayaan ekuiti dan lain-lain program pembiayaan khusus.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANSURAN PEMBIAYAAN ANDA TIDAK DIBAYAR SEGERA PADA TARIKH MATANG

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada